



DEPARTMENT OF GENERAL STUDIES

RESIT EXAMINATION

Student ID (in Figures) :

| | | | | | | | | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|
| | | | | | | | | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|

Student ID (in Words) :

Course Code & Name : **MPU2212 BAHASA KEBANGSAAN A**
 Trimester & Year : September - December 2019
 Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain
 Duration : 2 Hours

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- This question paper consists of 2 parts:
 - PART A (30 marks) : THIRTY (30) multiple choice questions. Answers are to be written in the Multiple Choice Answer Sheet provided.**
 - PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa
SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)
Answers are to be written in the Answer Booklet provided.**
- Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
- This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
- Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

WARNING: The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

BAHAGIAN B

SOALAN 1 : SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH)

ARAHAN : Jawab semua soalan di bawah ini.

PEMAHAMAN TEKS (20 markah)

Petikan (i)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Berfikir sangat penting dan memberikan kesan kepada kehidupan kita seharian khususnya dalam dunia yang serba mencabar, berteknologi tinggi, dan kepelbagaian budaya yang rencam sifatnya. Namun begitu, majoriti belia didapati malas berfikir menyebabkan mereka gagal menjadi individu intelek berdaya maju dalam mengharungi cabaran kehidupan moden era globalisasi.

Golongan intelek tidak bermaksud seseorang itu perlu mempunyai ijazah semata-mata. Sebaliknya, dengan budaya rajin berfikir sesuatu yang berguna sekurang-kurangnya setengah jam sehari akan membolehkan seseorang itu menjadi intelek. Hal ini boleh diperhatikan pada masa lampau, tanpa ijazah masyarakat berjaya menjadi intelek hasil renungan dan pemikiran mereka terhadap kejadian alam hingga melahirkan beberapa perumpamaan bernas yang diguna pakai sehingga hari ini. Golongan belia **tidak boleh memandang remeh** akan hal ini kerana budaya rajin berfikir ini mempunyai banyak kepentingan.

Seseorang individu yang rajin berfikir khususnya berfikir pada aras yang lebih tinggi akan berkemampuan untuk menyelesaikan sesuatu masalah dengan baik. Hal ini kerana mereka mampu menganalisis risiko-risiko yang mungkin terlibat dan cuba untuk mendapatkan satu keputusan yang lebih bijak. Seterusnya, mereka boleh mencerna dan menghasilkan idea-idea baru yang sesuai dengan situasi dan peredaran zaman. Malahan, orang yang rajin berfikir juga mampu untuk menggunakan daya imaginasi dan kreativiti yang tinggi dan akhirnya berkemampuan untuk mencipta sesuatu idea atau produk yang boleh menjana ekonomi.

Malangnya, golongan belia lebih gemar bergantung terus dengan teknologi kerana lebih pantas dan mudah. Contohnya, para pelajar kebiasaannya hanya bergantung dengan nota-nota di bilik kuliah dan sebahagian besarnya hanya berjuang untuk mendapatkan gred yang baik dalam peperiksaan semata-mata tanpa mempunyai kefahaman yang jelas tentang sesuatu kursus yang ditawarkan.

Hakikatnya, jika dilihat senario kehidupan belia zaman sekarang, tidak ramai yang mempunyai pemikiran yang terbuka dan mampu menjadi tokoh pemikir yang baik. Oleh itu, golongan belia harus segera sedar dan mula bertindak untuk menjadi orang yang rajin berfikir serta menyumbang buah fikiran mereka yang bernas itu ke arah pembangunan negara.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa **tidak boleh memandang remeh**? **(2 markah)**
2. Berdasarkan petikan di atas, berikan **EMPAT (4)** kepentingan berfikir. **(4 markah)**
3. Apakah yang akan terjadi jika golongan belia malas berfikir? Nyatakan **DUA (2)** pandangan anda. **(4 markah)**

Petikan (ii)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Ketika orang sedang menghadapi tekanan di jalan raya, aku hanya tersenyum sahaja. Kenapa mereka mesti memaksa diri memandu di tengah-tengah kota raya yang sudah tahu sesak itu? Pernah Pak Husin, jiran sebelah rumah aku memerli aku. Katanya, ada kereta tetapi bersusah payah mengejar pengangkutan awam.

“Saya mahu bersenam Pak Husin. Lagipun, saya tak mahu menambah kesesakan di jalan raya. Kesian diri sendiri..” kata-kata itu dilepaskan sambil ketawa. Pak Husin juga ketawa.

“Baguslah kau ni Asmadi! Kalau semua orang berfikiran macam kamu, tentu Kuala Lumpur ini **boleh bernafas lega**.” Pak Husin menepuk-nepuk bahu.

Dia mencebik mulut. Jemarinya bergerak-gerak. Aku angguk setuju.

“Betul Pak Husin. Jimat duit, jimat tenaga, jimat masa. Jimat segala-galanya. Boleh kahwin lagi satu!” gurauanku disambut gelak besar oleh Pak Husin. Bukan berniat, tetapi sengaja menyakat Pak Husin yang sudah beristeri tiga.

“Marah Faizah nanti! Lagipun kau kena berguru dengan aku, barulah aman sentosa.” Dia menyambung tawanya. Mungkin puas mampu beristeri tiga. Aku sekadar melayan gelagat Pak Husin yang seusia ayahku di kampung. Terasa rindu.

Tidaklah kejam aku membiarkan kereta tidak terusik. Kereta itu hanya digunakan pada saat-saat yang penting. Andai aku mampu aturkan hari-hariku, pasti aku memilih untuk berjalan dan berlari dari satu stesen ke stesen yang lain. Aku manusia cergas, memang begitu lagaknya.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa **boleh bernafas lega** ? **(2 markah)**
2. Berdasarkan petikan di atas, apakah kelebihan menggunakan perkhidmatan awam? **(4 markah)**
3. Pada pendapat anda, nyatakan **DUA (2)** masalah yang sering dihadapi oleh pengguna pengangkutan awam di Malaysia? **(4 markah)**

TATABAHASA (20 markah)

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan **WAJIB** dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.

(a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini supaya jelas menunjukkan perbezaan maknanya. Anda tidak boleh menambah imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa.

- I. tersepak (2 markah)
- II. terpadam (2 markah)
- III. tercantik (2 markah)
- IV. terangkat (2 markah)
- V. tersusun (2 markah)

(10 markah)

(b) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula. Jawapan hendaklah ditulis di kertas jawapan.

1. Kira-kira 45 peratus peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) masih engkar untuk melunaskan pinjam pelajaran masing-masing.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

2. Sebuah kefeteria yang beroperasi dalam sebuah hospital di Kelantan telah mengarah tutup selama dua minggu oleh Jabatan Kesihatan Kelantan kerana keadaannya yang begitu kotor.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

3. Sesi dailog yang diadakan antara ibu bapa dan guru itu berjalan dengan lancar.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

4. Diana pergi ke kedai rambut Nyonya Alin untuk lurus rambutnya yang kerinting itu.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

5. Adik saya begitu gembira kerana mendapat baucer buku yang menilai RM250 itu kerana dia mahu membeli buku rujukan.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

SOALAN 2 : SOALAN ESEI (30 MARKAH)

ARAHAN : Bahagian ini terdiri daripada **SATU (1)** bahagian yang wajib dijawab.

KARANGAN

1. Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) memerlukan bantuan daripada pihak kerajaan dan masyarakat kerana mereka juga aset yang memberi sumbangan kepada negara. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk membantu golongan ini?

ATAU;

2. Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai pelbagai etnik. Justeru, semangat perpaduan perlulah disemai demi keharmonian negara. Huraikan usaha-usaha yang mesti dilakukan untuk membentuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat.

ATAU;

3. Dewasa ini, semakin hari semakin banyak kes rempit dan perlumbaan haram telah dipaparkan di kaca televisyen. Bincangkan sebab-sebab yang menyebabkan kes lumba haram ini semakin menjadi-jadi di Malaysia.

KERTAS SOALAN TAMAT